

Al-Qanatir

by Pak Rudi 4

Submission date: 13-Feb-2024 08:21AM (UTC+0700)

Submission ID: 2293349476

File name: Dr._Rudy_Haryanto_Al_Qanatir.pdf (278.95K)

Word count: 4533

Character count: 29731

**MICRO FINANCING REVOLUTION BY DR. MUHAMMAD YUNUS THROUGH
GRAMEEN BANK: A MOVEMENT TOWARDS ERADICATION OF
POVERTY ACCORDING TO ISLAM**

**REVOLUSI KEWANGAN MIKRO OLEH DR. MUHAMMAD YUNUS MELALUI GRAMEEN
BANK: PENGGERAK KE ARAH PEMBASMIAN KEMISKINAN MENURUT ISLAM**

Azlin Alisa Ahmad ⁱ, Mat Noor Mat Zain ⁱⁱ & Rudy Haryanto ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). azlinalisa@ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). mnmz@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Magister Ekonomi Syariah, Fakultas Ekonomi dan Bisnis Islam, Institut Agama Islam Negeri Madura (IAIN MADURA). rudy@iainmadura.ac.id

Abstract	<p><i>The idea of microfinance which is an initiative to combat poverty was pioneered by Dr. Muhammad Yunus is seen as a starting point for the economic development of the community and the country. The question is, how can the microfinance model be an effective mechanism in achieving social justice and prosperity for the poor? Thus, the objective of this study is to discuss micro financing revolution by Dr. Muhammad Yunus through Grameen Bank's role in eradicating poverty by providing equal opportunities to the poor in starting or expanding their business. This study is a qualitative study using a literature review and content analysis as a data collection method, while the data analysis method is descriptive. The results of the study show that Grameen Bank has been successful in assisting poor communities through access to micro credit in economic development. Although there is controversy regarding the sharia aspect due to it contains an element of usury, Grameen Bank's success in fighting poverty has inspired many countries around the world. The implication of the study is to emphasize the importance of supporting and expanding the microfinance model in achieving sustainable development goals that are fairer and more prosperous for all levels of society.</i></p> <p>Keywords: Microfinance, Grameen Bank, Poverty, Social, Justice.</p>
Abstrak	<p><i>Idea kewangan mikro yang merupakan sebuah inisiatif memerangi kemiskinan dipelopori oleh Dr. Muhammad Yunus dilihat telah menjadi titik tolak kepada peningkatan ekonomi masyarakat dan negara. Persoalannya, bagaimanakah model kewangan mikro dapat menjadi satu mekanisme yang efektif dalam mencapai keadilan sosial dan kemakmuran bagi golongan yang terpinggir? Justeru, objektif kajian ini adalah untuk membincangkan revolusi kewangan mikro oleh Dr. Muhammad Yunus melalui peranan Grameen Bank untuk membasmi kemiskinan dengan memberikan peluang setara kepada golongan miskin dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengguna pakai tinjauan literatur dan analisis kandungan sebagai kaedah pengumpulan data, manakala kaedah analisis data ialah secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa Grameen Bank telah berjaya membantu masyarakat miskin melalui</i></p>

1
akses kepada kredit mikro dalam pembangunan ekonomi. Walaupun terdapat kontroversi mengenai aspek hukum kerana mengandungi unsur riba, kejayaan Grameen Bank dalam memerangi kemiskinan telah memberikan inspirasi kepada banyak negara di seluruh dunia. Implikasi kajian ialah menekankan kepentingan menyokong dan memperluas model kewangan mikro dalam mencapai matlamat pembangunan berkelanjutan yang lebih adil dan sejahtera bagi semua lapisan masyarakat.

Kata kunci: Kewangan Mikro, Grameen Bank, Kemiskinan, Keadilan, Sosial.

PENDAHULUAN

Isu kemiskinan merupakan sesuatu yang menghantui masyarakat di seluruh dunia selama berabad lamanya. Di sebalik cabaran yang kompleks ini, seorang ahli ekonomi yang bernama Dr. Muhammad Yunus telah memperkenalkan satu konsep yang berani dan inovatif, iaitu kewangan mikro melalui Grameen Bank. Melalui visi dan dedikasinya, Dr. Muhammad Yunus telah berjaya mencipta sebuah revolusi dalam dunia kewangan yang telah membawa harapan dan perubahan yang signifikan kepada jutaan masyarakat yang miskin di Bangladesh dan di seluruh dunia (Les Prix Nobel, 2007). Beliau yang pada mulanya seorang pensyarah ekonomi yang kemudian mengabdikan hidupnya untuk mencapai visi dan objektifnya iaitu untuk membantu golongan miskin keluar dari kepompong kemiskinan dengan memberikan sejumlah pinjaman yang bersesuaian dan mengajar mereka beberapa prinsip kewangan yang baik. Rentetan prinsip yang dipegang oleh beliau, yang mempercayai bahawa mendapatkan hak pinjaman bagi setiap orang merupakan hak dasar setiap orang, maka muncul idea-idea pembaharuan daripada beliau untuk melakukan usaha bagi membasmi kemiskinan sepenuhnya di Bangladesh. Beliau menjelaskan bahawa kemiskinan berpunca daripada kegagalan di peringkat konsep, dan bukannya kekurangan keupayaan di pihak rakyat. Oleh itu, asas bagi kemunculan ideanya untuk membasmi kemiskinan adalah dengan memperkasakan masyarakat secara langsung khususnya kepada golongan miskin.

Dengan menyoroti kejayaan dan cabaran yang dihadapi dalam Grameen Bank, kajian ini menghuraikan bagaimana model kewangan mikro dapat menjadi alat yang efektif dalam mencapai keadilan sosial dan kemakmuran bagi mereka yang selama ini terpinggir. Kajian turut membincangkan peranan penting yang dimainkan oleh Dr. Muhammad Yunus dan Grameen Bank dalam membentuk revolusi kewangan mikro, dan bagaimana inisiatif ini menjadi penggerak utama dalam usaha pembasmian kemiskinan.

LATAR BELAKANG DR. MUHAMMAD YUNUS DAN REVOLUSI KEJAYAANNYA DALAM KEWANGAN MIKRO

Dr. Muhammad Yunus dilahirkan pada tahun 1940 di wilayah Chittagong, Bangladesh. Beliau menamatkan pendidikan awalnya di desanya sendiri sebelum melanjutkan pendidikan ke Chittagong Collegiate School dan kemudiannya belajar ekonomi di Dhaka University. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Vanderbilt di Nashville, Tennessee, Amerika Syarikat, dan memperoleh ijazah Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi pada tahun 1969 ketika berusia 29 tahun. Semasa bekerja sebagai profesor ekonomi di Universiti Chittagong di Bangladesh, Dr. Yunus menyaksikan kemiskinan teruk yang dihadapi oleh penduduk sekitar. Keadaan kebuluran di Bangladesh pada tahun 1974 memperkuat tekadnya untuk membantu masyarakat miskin keluar dari kelompok kemiskinan (Amy Tikkanen, 2023).

Pada tahun 1976, semasa beliau melawat desa Jobra di pinggiran Chittagong, Dr. Yunus bertemu dengan sekelompok penenun bakul yang memerlukan dana untuk membeli bahan mentah. Tetapi mereka hanya dapat meminjam dengan kadar faedah yang sangat tinggi, yang menyebabkan mereka terus terperangkap dalam lingkaran kemiskinan. Dr. Muhammad Yunus kemudiannya mengambil inisiatif dengan meminjamkan US \$27 dari simpanan peribadinya dan memberikan pinjaman tersebut kepada 42 keluarga di desa

1
tersebut. Dengan wang pinjaman tersebut, mereka dapat membeli bahan mentah dan menghasilkan bakul untuk dijual dengan harga yang lebih menguntungkan. Bertitik tolak dari perkara tersebut, Dr. Muhammad Yunus menyedari potensi besar kewangan mikro dalam membantu golongan miskin dengan memberi mereka akses ke kredit yang lebih baik dan seterusnya dapat mengembangkan ekonomi mereka (Ahmad Majdi, 2009).

Dr. Muhammad Yunus memandang bahawa kemiskinan yang berlaku pada waktu itu bukan kerana sikap malas orang miskin, akan tetapi disebabkan oleh struktur dan kekurangan modal. Sistem ekonomi yang berada ketika itu menyebabkan rakyat miskin tidak mampu menyimpan walaupun 1 sen sehari. Akibatnya, orang miskin tidak boleh melabur untuk perkembangan perniagaan malah pemberi pinjaman wang memberi faedah kira-kira 10% untuk pinjaman yang mereka sediakan kepada orang miskin. Justeru mengakibatkan orang miskin yang bekerja keras tidak boleh keluar dari garis kemiskinan (Joni Yusuf, 2008). Pada tahun 1983, Dr. Muhammad Yunus mendirikan Grameen Bank dengan tujuan untuk memberikan pinjaman mikro kepada masyarakat miskin, terutama golongan wanita di kampung. Grameen Bank mengamalkan model pinjaman tanpa faedah dan tanpa jaminan, yang membolehkan masyarakat miskin untuk memperoleh akses kredit untuk memulakan perniagaan atau mengembangkan lagi perniagaan tersebut.

KONSEP KEWANGAN MIKRO (MICROFINANCE) DAN PERKEMBANGANNYA

Kewangan mikro didefinisikan sebagai percubaan bagi menyediakan perkhidmatan kewangan kepada isi rumah atau perusahaan mikro yang berkecuali daripada perkhidmatan perbankan komersial secara tradisional (Thorsten Beck, 2015). Kebiasaannya, mereka terdiri daripada individu berpendapatan rendah, bekerja sendiri atau bekerja secara tidak formal dan tanpa mempunyai milikan aset yang rasmi. Kewangan mikro juga merujuk kepada perkhidmatan kewangan berskala kecil yang diperuntukkan secara kredit dan simpanan terutamanya kepada perusahaan kecil atau perusahaan mikro. Walaubagaimanapun, kewangan mikro telah berkembang secara meluas melalui kredit termasuk simpanan mikro, insuran mikro, kiriman wang dan pembayaran lain di mana kesemuanya memberi impak atau kesan yang besar terhadap kehidupan golongan miskin (Wahibur Rokhman, 2013).

Secara asasnya, fungsi kewangan mikro ini boleh dilihat menerusi Usman Ghani et. al (2018) yang mengatakan bahawa kewangan mikro ini dapat membiayai aktiviti-aktiviti mereka yang menjana pendapatan, membina aset, melancarkan penggunaan serta melindungi mereka daripada segala risiko. Individu penting yang mempelopori idea kewangan mikro ini ialah Dr. Muhammad Yunus. Secara ringkasnya, beliau merupakan seorang profesor ekonomi terkenal dengan kejayaan penerapan mikro kredit iaitu pembangunan pinjaman berskala kecil bagi usahawan miskin yang tidak mampu meminjam daripada bank umum (Haqiqi Rafsanjani, 2017). Keunikan cara berfikir Dr. Muhammad Yunus dalam mengembangkan ideanya dilihat sangat menarik. Menurut Haqiqi (2017) lagi, Muhammad Yunus telah menggunakan kaedah 'mata cacing' untuk menyaksikan sendiri kemiskinan dari jarak dekat. Beliau telah berusaha gigih dalam menemu bual beberapa orang wanita yang dilihat sebagai calon peminjam bagi ideanya. Beliau berpendapat bahawa salah satu perkara penting untuk mengurangkan kemiskinan adalah dengan pemerksaan secara langsung kepada orang awam terutama golongan miskin. Justeru, beliau melihat golongan wanita berpotensi untuk diperkasakan. Hasilnya, pinjaman mikro kredit kepada wanita di Grameen Bank adalah berkesan dalam meningkatkan ekonomi masyarakat Bangladesh kerana wanita mempunyai kelebihan dalam pengurusan kewangan (Haqiqi Rafsanjani, 2017). Antara faktor wanita sebagai peminjam dalam idea Dr. Muhammad Yunus adalah para wanita telah terbukti menjadi pejuang kemiskinan yang terbaik. Pengalaman dan kajian telah menunjukkan bahawa mereka menggunakan keuntungan daripada perniagaan untuk menghantar anak-anak ke sekolah, memperbaiki keadaan hidup dan pemakanan keluarga serta mengembangkan perniagaan mereka (Faez & Humam, 2012).

1
Kemajuan dan perkembangan aktiviti kewangan mikro memiliki pelbagai faktor. Menurut Srnec & Svobodova (2009) persekitaran ekonomi yang stabil perlu dijamin, program liberal yang berfungsi secara kekal atas sokongan sektor swasta dan kerjasama dengan negara maju di dunia serta kadar pertukaran yang stabil seperti perdagangan antarabangsa secara terbuka, saling memahami dan sebagainya. Atas dasar ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyedari hakikat ini dan Pembangunan Milenium PBB terhadap kemiskinan dan pemulihan ekonomi di negara kurang maju.

Oleh sebab itu, 2005 diisytiharkan sebagai tahun mikro Kredit antarabangsa dan disebabkan faktor ini, Dr. Muhammad Yunus dianugerahkan *Nobel Peace Prize* pada tahun 2006. Anugerah ini merupakan bukti kejayaan Dr. Muhammad Yunus dalam membangunkan sistem kewangan mikro di negara kurang maju di Bangladesh melalui penubuhan Grameen Bank. Namun demikian, terdapat kenyataan bahawa pembiayaan mikro sebenarnya telah lama dilaksanakan. Selain itu, Srnec & Svobodova (2009) turut menyatakan beberapa individu dan institusi penting sekitar tahun 70an dalam perkembangan kewangan mikro seluruh dunia. Antaranya adalah Grameen Bank oleh Muhammad Yunus (Bangladesh), Foundation for International Community Assistance (FINCA system) oleh John Keith Hatch (Washington), Tameer bank oleh Akhtar Hameed Khan (Pakistan), Self-Employed Women's Association (SEWA) oleh Ela Blatt (India) dan Women's World Banking (WWB) oleh Michaela Walsh (New York). Selain itu, perkembangan kewangan mikro juga turut berkembang di negara-negara berpopulasi Muslim. Sejarah perkembangan kewangan Islam menyaksikan tertubuhnya beberapa institusi atau program pembiayaan mikro Islam antaranya Akhuwat di Pakistan (ditubuhkan pada tahun 2001), Program Pembiayaan Mikro Hodeidah di Yaman (ditubuhkan pada tahun 1997) dan Skim Pembangunan Luar Bandar (RDS) di Bangladesh (ditubuhkan pada tahun 1995) adalah pembiayaan mikro yang terkenal pada hari ini (Hussein 'Azeemi et al., 2021). Melihat perkembangan kewangan mikro di Malaysia pula, kajian yang dibuat oleh Hussein 'Azeemi, et al. (2021) menunjukkan bahawa Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah satu-satunya institusi pembiayaan mikro Islam di Malaysia yang dilengkapi dengan sistem kepatuhan syariah yang tersusun dan berorientasikan kemiskinan. Hal ini kerana institusi lain yang menawarkan pembiayaan mikro tidak berorientasikan kemiskinan malah mengutamakan penciptaan keuntungan.

GRAMEEN BANK

Penubuhan Grameen Bank telah menjadi inspirasi kepada institusi kewangan mikro lain di seluruh dunia, dan model kewangan mikro ini telah diadaptasi di lebih dari 100 buah negara. Dr. Muhammad Yunus telah mengubah cara pandang tentang kewangan dan membuktikan bahawa kredit mikro yang sesuai dapat menjadi alat yang ampuh dalam melawan kemiskinan dan mendorong pertumbuhan ekonomi dengan lebih baik. Grameen Bank yang bermaksud bank kampung secara rasmi ditubuhkan pada 1 Oktober 1983. Dengan Grameen Bank yang dianggap sebagai suatu bank yang mengikuti arus bank tradisional namun beliau mempercayai bahawa konsep, instrumen dan rangka kerja kapitalis akan dapat menyokong dan meningkatkan aktiviti ekonomi yang membawa kepada pencapaian visi dan misi sosial (Ardi Hamzah, 2009).

Sebelum itu, pada tahun 1976, Dr. Muhammad Yunus membangunkan prinsip-prinsip Grameen Bank, "Bank of Kampung" dari penyelidikan dan pengalaman beliau. Beliau mula berkembang mikro sebagai projek penyelidikan bersama-sama dengan Projek Ekonomi Luar Bandar di Universiti Bangladesh Chittagong untuk menguji kaedah beliau untuk menyediakan perkhidmatan kredit dan perbankan kepada golongan miskin luar bandar. Kampung Jobra dan kampung-kampung lain berhampiran Universiti Chittagong menjadi kawasan pertama yang layak untuk perkhidmatan daripada Bank Grameen. Apabila terbukti berjaya, projek Bank, dengan sokongan daripada Bank Bangladesh, telah diperluaskan pada tahun 1979 sehingga diberi kuasa oleh kerajaan Bangladesh menjadi sebuah bank bebas (Grameen Bank, 2022). Menurut Dr. Muhammad Yunus, antara perkara penting dalam meringankan beban kemiskinan adalah pemerksaan secara langsung

1
kepada masyarakat khususnya golongan miskin. Dan golongan wanita merupakan golongan yang berpotensi untuk diperkasakan.

Dalam memulakan Grameen Bank, model bank tradisional ditukar dengan memberi tumpuan kepada wanita kerana golongan ini yang paling memikirkan keperluan keluarga. Ini adalah langkah radikal dan bertentangan dalam masyarakat Islam yang memberi keutamaan terhadap lelaki sebagai pencari nafkah. Dr. Muhammad Yunus mengambil masa enam tahun untuk akhirnya mencapai matlamat utama "agihan jantina 50-50" untuk peminjam dan akhirnya, 96% peminjam Grameen adalah wanita (M. Ifrosin, 2009). Disebalik falsafah kepada kewujudan Grameen Bank ialah untuk memberi kredit kepada golongan miskin kerana boleh membantu meningkatkan pendapatan mereka dan mempunyai keupayaan untuk membayar balik kredit. Bagi Grameen Bank untuk membantu jutaan rakyat miskin keluar dari lembah kemiskinan, ia harus dilakukan dengan menyediakan sumber modal yang dimanfaatkan oleh mereka secara rasional dan komersial, tetapi dengan prosedur dan syarat yang bersesuaian dengan keadaan mereka (Muhsin Fahreza, 2010).

Grameen Bank mempunyai sistem yang berbeza dengan bank konvensional. Dalam pinjaman yang diberikan kepada pelanggan, Grameen Bank tidak memerlukan cagaran untuk pinjaman mikro itu. Oleh kerana bank tidak mahu membawa mana-mana peminjam ke mahkamah dalam kes undang-undang, ia tidak mewajibkan pelanggan untuk menandatangani sebarang perjanjian pelanggaran undang-undang. Perbankan konvensional adalah berasaskan cagaran, manakala Grameen pula adalah sistem jaminan bebas. Grameen berpendapat bahawa kredit harus diterima sebagai hak asasi manusia dan membina sistem di mana orang yang tidak mempunyai apa-apa mempunyai keutamaan tertinggi dalam mendapatkan pinjaman. Grameen bank tidak menilai kriteria peminjam berdasarkan bahan milik orang dan hanya melihat kepada potensi seseorang tidak mengira sama ada orang miskin atau kaya (Haqiqi Rafsanjani, 2017).

Grameen memiliki objektif untuk memberikan perkhidmatan kredit kepada golongan miskin terutamanya wanita dan yang paling termiskin bukan bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan seperti bank konvensional yang sedia ada. Konsep Grameen Bank hampir berlawanan dengan apa yang dilakukan oleh bank konvensional. Prinsip bank konvensional ialah golongan yang lebih kaya akan mendapatkan lebih banyak yang bermaksud jika seseorang tidak memiliki sedikit atau tidak mempunyai apa-apa, maka tidak layak untuk menerima pinjaman (Nurhayati, 2016). Hal ini jelas dengan Grameen Bank yang mempunyai kesediaan untuk memberikan pinjaman kepada golongan yang paling miskin, tambahan pula wang sentiasa disalurkan kepada golongan miskin di luar bandar bagi aktiviti ekonomi di luar bandar. Bahkan perkembangan idea kewangan mikro ini dilihat telah berkembang ke seluruh dunia.

Kajian-kajian yang telah dilakukan tentang perbandingan antara Program Pemerksaan Wanita di Indonesia dan Grameen Bank melalui mikro kredit menunjukkan perbezaan yang ketara dalam kesan mereka terhadap pembanteras kemiskinan. Ema Khotimah (2007) menyatakan bahawa Program Pemerksaan Wanita di Indonesia tidak memberikan hasil yang baik dalam membasmi kemiskinan. Program tersebut cenderung meminggirkan pembangunan wanita dan menyebabkan kaum wanita masih menanggung beban kemiskinan. Di samping itu, program-program pembasmian kemiskinan di Indonesia juga gagal memenuhi keperluan dan kehendak wanita secara holistik. Sebaliknya, Grameen Bank yang dikembangkan oleh Muhammad Yunus telah menunjukkan kejayaan dalam membasmi kemiskinan secara menyeluruh. Program kewangan mikro Grameen Bank berjaya memperkasakan wanita dengan memberikan mereka akses kepada kredit mikro. Hal ini telah mendorong keusahawanan sosial di kalangan wanita dan membantu mereka keluar dari lingkaran kemiskinan. Fokus Grameen Bank pada wanita sebagai pelanggan usahawan mikro adalah kerana wanita memiliki kebolehan yang lebih baik dalam menguruskan kewangan. Ini menunjukkan bahawa Grameen Bank telah memberikan perhatian khusus kepada pemberdayaan wanita dan membuka peluang bagi mereka untuk mengambil peranan aktif dalam usaha ekonomi.

1
Menurut Nurhayati (2016), Grameen Bank mencatat sejarah keberhasilan dalam membasmi kemiskinan melalui formula kewangan mikro yang unik. Konsep keusahawanan sosial yang diaplikasikan oleh Grameen Bank telah memberi inspirasi kepada banyak bangsa dan diadaptasi di pelbagai negara di seluruh dunia. Namun, Haqiqi Rafsanjani (2017) mengkaji isu kontroversi berkenaan konsep pembiayaan Grameen Bank yang bertentangan dengan hukum syariat Islam. Beliau menunjukkan bahawa terdapat unsur riba yang menjadi instrumen penting dalam Grameen Bank, yang tidak sah mengikut ajaran Islam. Meskipun demikian, Grameen Bank masih berbeza daripada bank-bank konvensional dalam pengurusan dan undang-undang yang diterapkan.

Secara keseluruhannya, kajian lepas menunjukkan bahawa model kewangan mikro Grameen Bank telah membuktikan keberkesanannya dalam mencapai keadilan sosial dan kemakmuran yang selama ini terpinggirkan. Meskipun ada beberapa kontroversi berkenaan aspek hukum, model ini tetap menjadi inspirasi dalam membantu masyarakat miskin mengatasi kemiskinan dan mencapai kesejahteraan ekonomi. Keusahawanan sosial yang ditanamkan dalam Grameen Bank memberi harapan kepada jutaan orang yang dapat mencapai perubahan positif dalam kehidupan mereka melalui model kewangan mikro ini. Kejayaan Grameen Bank dan model kewangan mikro yang diperkenalkan oleh Dr. Yunus mendapat pengiktirafan dunia dan beliau dianugerahkan Hadiah Nobel Keamanan bersama dengan Grameen Bank pada tahun 2006, atas sumbangan besar beliau dalam membantu masyarakat luar bandar yang miskin (Grameen Foundation, 2023).

REVOLUSI DR. MUHAMMAD YUNUS DAN GRAMEEN BANK DALAM MENERAPKAN NILAI DISIPLIN

Grameen Bank yang diasaskan oleh Dr. Muhammad Yunus ini bukan hanya menyediakan akses kepada kewangan mikro kepada masyarakat miskin, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai disiplin kepada para peminjam. Nilai ini menjadi kunci kejayaan dalam memajukan usaha kecil dan memerangi kemiskinan di Bangladesh dan di tempat-tempat lain. Menurut pandangan Joni Yusuf (2008), satu-satunya cara untuk mengatasi kemiskinan adalah dengan meningkatkan modal insan, yang merangkumi peningkatan kualiti sumber manusia, penguatan organisasi dan institusi sosial, politik, ekonomi, dan budaya. Grameen Bank memahami kepentingan nilai-nilai ini dan telah mengintegrasikannya dalam sistem kewangan mikro mereka.

Grameen Bank menerapkan disiplin dalam proses pemberian kredit. Sebagai sebahagian daripada kontrak kredit, para peminjam diwajibkan untuk mematuhi jadual pembayaran ansuran dengan teliti. Mereka perlu membayar jumlah kredit yang dipinjam secara berkala, dan ini mendorong tanggungjawab kewangan serta disiplin dalam pengurusan kewangan mereka. Penerapan nilai ini boleh dilihat dalam sistem Grameen Bank ketika mana aktiviti meminjam dana dalam konteks pembiayaan perniagaan dijalankan. Peminjam akan dibentuk dalam satu kumpulan yang terdiri daripada lima orang, bank akan memberi pinjaman kepada dua ahlinya terlebih dahulu dan sekiranya dua peminjam yang terawal membayar cukup tempoh maka dua ahli seterusnya boleh memohon untuk mendapatkan pinjaman dan akhir sekali peminjam yang terakhir iaitu ketua kepada kumpulan berikut. Mekanisme ini diguna pakai untuk mengembangkan modal sosial (modal sosial) melalui kumpulan. Kewujudan modal sosial merupakan satu cara untuk memupuk modal ekonomi atas dasar saling percaya, jujur, keterbukaan, dan rasa tolong menolong dalam kalangan para peminjam (Eko Budiarto & et al., 2021).

Menurut M. Ifrosin (2009) pembentukan kepada kumpulan yang terdiri lima orang memupuk saling ingat mengingati untuk membayar balik pinjaman. Kumpulan ini boleh menggalakkan peminjam untuk saling bantu-membantu demi kejayaan perniagaan masing-masing. Keahlian kumpulan ini bukan sahaja mewujudkan rasa selamat dan sokongan bersama, tetapi juga mengurangkan corak tingkah laku tidak sihat ahli individu, dan menjadikan setiap peminjam lebih dipercayai dalam proses tersebut. Tambahan pula, rasa persaingan antara kumpulan boleh mencetuskan setiap ahli untuk menjadi seorang yang berjaya. Dengan cara ini juga, ia boleh membina sokongan atau tekanan kepada kumpulan

1
melihat kepada senario sekiranya ada ahli kumpulan tidak membayar dan melanggar perjanjian kepada Bank Grameen, ahli kumpulan yang lain akan menekannya dan akan memberi sokongan jika ada ahli yang mengalami kesulitan dalam aktiviti ekonomi mereka. Hal ini mewujudkan insentif yang sangat kuat untuk peminjam membantu antara satu sama lain menyelesaikan masalah dan sistem ini juga menggalakkan tanggungjawab peribadi yang besar untuk membayar balik pinjaman (Ahmad Majdi, 2009).

Dr. Muhammad Yunus melihat bahawa kumpulan sokongan itu memainkan peranan yang sangat penting kepada operasi mekanisme *delivery-recovery* Grameen Bank untuk mendapatkan balik pinjaman yang diberikan. Maka dengan itu, mereka mewajibkan setiap lima pemohon dalam kumpulan itu memiliki pemikiran yang sama dan hidup dalam kondisi sosial-ekonomi serupa. Menurut Yunus, perpaduan itu akan terjalin lebih kuat apabila kumpulan itu dibentuk oleh para peminjam sendiri (Ahmad Majdi, 2009). Tambahan pula, jika seseorang tidak mampu atau tidak mahu membayar balik pinjaman, kumpulan itu akan dianggap tidak layak untuk kredit yang lebih besar pada tahun berikutnya sehingga masalah pembayaran balik diselesaikan. Hal ini membolehkan setiap kumpulan itu mendapat kepercayaan daripada ahli sendiri untuk memulangkan kembali pinjaman tersebut. Menurut Ir. Buyung Azhari (2010), pelanggan Grameen Bank yang ditinjau untuk mencari alasan mereka memulangkan pinjaman mereka dalam sebelum tamat tempoh matang ialah perasaan malu kerana mengecewakan ahli lain.

Selain itu, Grameen Bank menyediakan latihan dan bimbingan kepada para peminjam untuk membantu mereka menguruskan perniagaan mereka. Para peminjam mendapat latihan dalam perancangan perniagaan, pengurusan inventori, dan keahlian teknikal yang diperlukan dalam menjalankan usaha mereka. Langkah ini membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para peminjam dalam menguruskan perniagaan mereka dengan efektif dan cekap. Selain itu, nilai-nilai seperti kerja keras, ketabahan, dan tanggungjawab ditanamkan dan dipromosikan dalam budaya Grameen Bank. Para peminjam digalakkan untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan gigih dan tidak mudah menyerah, serta bertanggungjawab terhadap kejayaan dan kegagalan usaha mereka. Melalui pendekatan ini, Grameen Bank berjaya mencipta budaya keusahawanan dan disiplin di kalangan para peminjam. Mereka belajar untuk bertanggungjawab terhadap kewangan mereka sendiri dan menguruskan perniagaan dengan bijaksana. Tambahan pula, para peminjam juga mendapat manfaat dari peningkatan kualiti sumber manusia mereka, yang menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang berterusan di komuniti mereka (Nurhayati, 2016).

Peranan Dr. Muhammad Yunus dan Grameen Bank dalam menggerakkan kewangan mikro tidak terhad kepada memberikan akses kredit mikro semata-mata. Mereka juga berperanan dalam menerapkan nilai disiplin kepada para peminjam, menggalakkan tanggungjawab kewangan, keusahawanan, dan kemahiran pengurusan perniagaan. Pendekatan ini telah terbukti berjaya dalam menangani kemiskinan dan memberikan harapan kepada jutaan masyarakat miskin di seluruh dunia.

PENCAPAIAN KEADILAN SOSIAL DALAM MODEL KEWANGAN MIKRO GRAMEEN BANK

Model kewangan mikro telah membuktikan sebagai satu mekanisme yang efektif dalam mencapai keadilan sosial dan kemakmuran bagi mereka yang selama ini terpinggirkan. Melalui inisiatif seperti Grameen Bank yang direvolusikan oleh Dr. Muhammad Yunus, model kewangan mikro telah membawa impak positif dalam mengurangi kesenjangan sosial dan memberikan peluang ekonomi kepada golongan miskin. Terdapat beberapa faktor yang menjelaskan bagaimana model kewangan mikro dapat mencapai tujuan keadilan sosial dan kemakmuran.

Pertama, model kewangan mikro memberikan akses kepada kewangan mikro bagi masyarakat miskin yang sebelumnya tidak dapat mengakses pembiayaan dari institusi kewangan konvensional. Dengan mendapatkan kewangan mikro, mereka dapat memulakan atau mengembangkan usaha mikro mereka sendiri, sehingga dapat meningkatkan pendapatan dan membantu mengurangkan kemiskinan. Dengan akses kepada kredit yang

1
lebih mudah, golongan miskin mendapatkan peluang untuk berdaya saing dalam pasaran. Kedua, model kewangan mikro sering kali memberikan fokus khusus pada pemerksaan golongan wanita. Dalam program kewangan mikro, golongan wanita diberikan keutamaan sebagai penerima kredit karena dipercayai mampu mengurus kewangan dan lebih cermat dalam membayar kembali pinjaman. Dengan memperkasa kewangan golongan wanita, model kewangan mikro dapat mengurangkan kesenjangan jantina dan meningkatkan kedudukan sosial golongan wanita.

Ketiga, model kewangan mikro mendorong keusahawanan sosial dalam kalangan masyarakat yang miskin. Dengan modal yang diperoleh, mereka dapat peluang untuk berdikari dan memperoleh keuntungan dari hasil usaha mereka sendiri. Ini tidak hanya meningkatkan taraf hidup mereka tetapi juga memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi tempatan. Selain itu, model kewangan mikro memberikan latihan dan bimbingan kepada para peminjam untuk mengurus kewangan mereka dengan lebih baik. Keempat, institusi kewangan mikro meningkatkan keadilan sosial apabila berjaya mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Model kewangan mikro mendorong tanggungjawab sosial dan pembangunan masyarakat miskin yang terpinggir. Seterusnya, model kewangan mikro dapat diterapkan dengan skala besar dan berjaya membantu jutaan masyarakat yang berada dalam kelompok kemiskinan. Ini bermakna, model kewangan mikro telah terbukti sebagai satu mekanisme yang efektif dalam mencapai keadilan sosial dan kemakmuran bagi mereka yang selama ini terpinggir. Dengan memberikan akses kepada kredit dan pemerksaan ekonomi, model kewangan mikro telah membantu mengurangkan kemiskinan dan kesenjangan sosial dalam pelbagai negara.

PENUTUP

Model kewangan mikro, iaitu Grameen Bank yang direvolusikan oleh Dr. Muhammad Yunus telah membuktikan keberkesanannya sebagai satu mekanisme yang efektif dalam mencapai keadilan sosial dan kemakmuran, terutamanya golongan miskin dan yang terpinggir. Melalui akses kepada kewangan mikro dan pemerksaan ekonomi, model ini telah membantu masyarakat miskin meningkatkan taraf hidup mereka dan keluar dari kepompong kemiskinan. Pengalaman Grameen Bank menunjukkan bahawa keusahawanan sosial yang ditanamkan dalam model kewangan mikro dapat membawa perubahan positif yang signifikan dalam kehidupan golongan miskin. Peranan Dr. Muhammad Yunus dan Grameen Bank dalam menggerakkan kewangan mikro tidak terhad kepada memberikan akses kredit mikro semata-mata, malah ia juga memberikan sumbangan dan peranan penting dalam pembangunan sosial masyarakat, terutamanya di luar bandar. Melalui penekanan pada tanggungjawab sosial dan pembangunan ekonomi, model ini telah memberi impak positif dalam mengurangkan kesenjangan ekonomi dan sekaligus telah menjadi inspirasi kepada pelbagai negara di seluruh dunia ini.

RUJUKAN

Buku

Les Prix Nobel. 2007. *The Nobel Prizes 2006*. Edt. Karl Grandin. Nobel Foundation, Stockholm.

Jurnal

Ardi Hamzah. 2009. *Perbandingan Karakteristik Dasar Antara Grameen Bank Dan Bank Syariah dalam Mengurangi Kemiskinan Dan Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi*. Jurnal NeO-Bis. Vol3 (2): 194-203.

Eko Budiarto, Ahmad Sobari & Ikhwan Hamdani. 2021. *Aplikasi Pola Grameen Bank Dalam Pembiayaan Produktif*. Jurnal Ilmu Islam: Rayah Al-Islam. Vol. 5 (2): 689-702.

Haqiqi Rafsanjani. 2017. *Studi Kritis Pemikiran Muhammad Yunus Tentang Grameen Bank*. Jurnal Masharif al-Syariah: Jurnal Ekonomi dan Perbankan Syariah. Vol. 2 (1).

- Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Muhamad Firdaus Ab Rahman & Azman Ab Rahman. 2019. *Integrasi Wakaf dan Pembiayaan Mikro Islam: Prospek dan Cabaran*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 16 (2): 70-89.
- Nurhayati. 2016. *Social Entrepreneurship Muhammad Yunus 'Grameen Bank'*. Jurnal Bisnis, Manajemen & Perbankan. Vol. 2 (1): 31-48.
- Thorsten Beck. 2015. *Microfinance: A Critical Literature Survey*. Independent Evaluation Group (IEG) Working Paper 2015. No. 4. Washington: Independent Evaluation Group, The World Bank Group.
- Usman Ghani, M. Tahseen Burney & Naseeb Ahmad. 2018. *The Status of Microfinance: An Overview of Performance of Microfinance Delivery Models in India*. Vol. 5 (47): 448-456
- Wahibur Rokhman. 2013. *The Effect of Islamic Microfinance on Poverty Alleviation: Study in Indonesia*. Journal of Economics and Business. Vol. 11 (2): 21-30.

Tesis

- Ahmad Majdi Tsabit. 2009. *Kredit Tanpa Jaminan Untuk Pengembangan Ekonomi Umat: Telaah Atas Pemikiran Muhammad Yunus*. Tesis Sarjana, Fakultas Syariah Dan Hukum, UIN Syarif Hidayatullah.
- Joni Yusuf. 2008. *Pemikiran Muhammad Yunus Tentang Pengentasan Kemiskinan Dalam Perspektif Hukum Islam*. Tesis, Fakultas Agama Islam, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Muhsin Fahreza Sembiring. 2010. *Peranan Sistem Grameen Bank Terhadap Perbankan Dalam Rangka Tanggungjawab Sosial Perusahaan*. Tesis Sarjana. Fakultas Hukum: Universitas Sumatera Utara.

Prosiding

- Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Muhammad Firdaus Ab Rahman, Azman Ab Rahman, Ahmad Zaki Salleh & Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. 2021. *Pelaksanaan Pemeliharaan Agama (Hifz al-Din) Oleh Institusi Pembiayaan Mikro Islam di Malaysia*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021, USIM,500-512.

Laman Sesawang

- Amy Tikkanen. 2023. Muhammad Yunus: Bangladeshi economist. Article History. <https://www.britannica.com/biography/Muhammad-Yunus/> (diakses pada 1 Jun 2023).
- Grameen Foundation, 2023. <https://grameenfoundation.org/about-us/leadership/muhammad-yunus> (diakses pada 25 Mei 2023).
- Grameen Bank. 2022. History of Grameen Bank. <https://www.grameen-info.org/history/> (diakses pada 5 Jun 2023).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies* tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.

Al-Qanatir

ORIGINALITY REPORT

100%

SIMILARITY INDEX

100%

INTERNET SOURCES

6%

PUBLICATIONS

9%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1

al-qanatir.com

Internet Source

99%

2

Submitted to University of South Alabama

Student Paper

1%

Exclude quotes Off

Exclude matches Off

Exclude bibliography Off